

**PENGAPLIKASIAN MOTIF BUNGA MELALUI
SENI CETAKAN DALAM HASIL KARYA
KONTEMPORARI**

**Oleh
FARIDAH ABDUL LATIF**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2007**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera...

Pertama sekali, syukur alhamdulillah kehadiran Ilahi di atas taufik dan hidayah-Nya telah menganugerahkan keupayaan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya seperti yang telah dirancang dalam masa yang telah ditetapkan.

Berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya iaitu En.Yakup Mohd Rafee di atas sumbangan idea, nasihat, tunjuk ajar dan memberi maklumat ikhlas yang dihulurkan semasa menyiapkan kajian ini. Semoga Allah membalas kemuliaan budi dan sumbangan yang telah diberikan.

Di kesempatan ini juga jutaan terima kasih diucapkan buat pensyarah Program Seni Halus di atas segala teguran dan nasihat yang diberikan dari awal kajian dilakukan hingga akhir.

Buat keluarga dan kedua ibubapa tersayang semoga sentiasa dilindungi Allah S.W.T dan banyak-banyak terima kasih diatas didikan, kasih sayang, nasihat dan bantuan yang diberikan selama anakanda bergelar pelajar. Segala jasa dan pengorbanan mak dan ayah tidak akan anakanda lupakan.

Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pandangan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kalian semua berjaya dalam hidup dan membawa anugerah kejayaan kepada kedua ibubapa kita.

Adalah diharapkan daripada hasil kajian yang telah disempurnakan ini selain dapat melengkapkan keperluan enam kredit untuk kursus Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir, moga-moga ia dapat memberikan manfaat kepada sesiapa yang berkenaan.

Akhir kata, segala yang baik itu datangnya dari Allah jua dan segala kelemahan dan kekurangan itu datangnya dari saya sendiri. Oleh itu, berbanyak-banyak mohon dan maaf dipinta sekiranya masih terdapat kekurangan dan kelemahan.

Jasa baik kalian amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN	i
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	vi
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB SATU : PENGENALAN KEPADA KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Hipotesis Dan Permasalahan	3
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Metodologi Penyelidikan	7
BAB DUA : SENI CETAKAN	
2.1 Latarbelakang Seni Cetakan	11
2.2 Sejarah Seni Cetakan	13
2.3 Definisi Seni Cetakan	15
2.4 Kaedah-Kaedah Seni Cetakan	17
BAB TIGA : SENI CETAKAN DAN SENI KONTEMPORARI	
3.1 Definisi Seni	22
3.2 Seni Kontemporari	25
3.3 Seni Cetakan Sebagai Seni Kontemporari	28

BAB EMPAT : MOTIF BUNGA DALAM BATIK MELALUI PENGAPLIKASIAN SENI CETAKAN

4.1 Sejarah Batik	29
4.2 Motif Batik	30
4.3 Corak	32
4.4 Proses Membuat	34
4.5 Penjenisan Kain	35
4.6 Penggunaan Batik	38
4.7 Cabaran Dalam Industri	40
4.8 Masa Depan Batik	41
4.9 Objektif Kajian	41

BAB LIMA : PERBINCANGAN KARYA PERIBADI

5.1 : Pengenalan	45
5.2 : Tajuk	47
5.3 : Bahan atau Media	47
5.4 : Olahan Formal	48
5.5 : Kesimpulan	49

BIBLIOGRAFI	51
-------------	----

LAMPIRAN	55
----------	----

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menerangkan jenis-jenis seni cetakan seterusnya dapat diaplikasikan ke dalam hasil karya peribadi penulis. Antara beberapa kaedah yang terdapat dalam *printmaking* ini ialah *Serigraphy*, *Lithography*, *Intaglio*, dan juga *Etching*. Keempat-empat kaedah ini dapat dibezakan melalui cara penghasilannya, media yang digunakan, dan juga sejarah setiap kaedah tersebut. Seterusnya, pengkarya akan dapat menghasilkan sebuah karya peribadi berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ini dan juga melalui kajian terhadap motif bunga dalam batik dengan mengaplikasikan kaedah seni cetakan sebagai salah satu teknik yang digunakan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti setiap jenis-jenis atau kaedah-kaedah yang terdapat proses *printmaking* ini.

ABSTRACT

This research would be explain about the variety of printmaking and finally to that apply into the artwork. There are has four major method in printmaking it would be included Serigraphy, Lithography, Intaglio and Etching. All these method could distinguish by the making process, media that has been used and the history of each method. Besides that, artist has been make a research about application of the flower motive to produced the batik. This research also to identified each type or methods in printmaking process.

BAB 1:

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada permulaannya, seni percetakan tidak mementingkan bentuk seni dalam proses komunikasi yang sederhana. Proses tersebut berlaku sehingga abad ke-18 dan pada abad ke-19, iaitu para artis mula memperkenalkan edisi-edisi percetakan yang agak terbatas dan tanda percetakan tersebut perlu ada bersama dengan maklumat teknikal bagi proses kerja yang sebenarnya.

Seni cetakan yang menggunakan mesin yang mudah dialih telah direka oleh Johann Gutenberg pada kurun ke-15. Sungguhpun Negara China telah mengetahui tentang rekaan melalui penggunaan mesin ini, namun rekaan menggunakan mesin ini telah terlebih dahulu dipelopori oleh Eropah.

Negara China adalah sesebuah negara yang mempunyai kedudukan yang baik untuk para perintis percetakan ini kerana mereka bersedia untuk mencipta tiga elemen yang perlu ada di dalam sesuatu cetakan itu, iaitu kertas, dakwat dan juga ukiran. Negara China merupakan negara terdahulu dalam memperkenalkan bentuk-bentuk cetakan yang primitif. Negara Jepun pula telah membuat cetakan asal yang pertama iaitu di atas blok kayu pada zaman Buddha lewat pertengahan abad ke-8.

1.2 Objektif kajian

Objektif kajian ini boleh dihuraikan sebagai suatu kajian untuk menjadikan seni cetakan sebagai suatu alternatif dalam penghasilan karya seni kontemporari.

Objektif telah melahirkan beberapa objektif yang lain iaitu:

1. Mengkaji sejauhmana penggunaan kaedah-kaedah seni cetakan ini boleh menghasilkan sesuatu karya yang menepati ciri-ciri yang diinginkan atau pun sebaliknya.
2. Mengkaji tentang sejarah yang terdapat dalam semua kaedah-kaedah seni cetakan.
3. Mengkaji kaedah-kaedah seni cetakan.
4. Mengkaji tentang kesesuaian yang terdapat dalam setiap bentuk atau setiap kaedah yang terdapat dalam seni cetakan.
5. Sebagai suatu sumber rujukan tambahan bagi membincangkan isu seni cetakan dalam dunia seni tampak pada zaman sekarang menurut konteks dan juga pendedahan terhadap sejarah awal perkembangan seni cetakan.

1.3 Hipotesis dan Permasalahan

Hipotesis merupakan satu tanggapan terhadap keadaan sesuatu kajian tersebut. Di dalam kajian ini, pengkaji telah mengandaikan bahawa kaedah-kaedah yang terdapat di dalam seni percetakan telah berjaya menghasilkan sesuatu hasil karya yang boleh mengambil tempat di dalam arus kemodenan sekarang.

Namun pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan seni cetakan dalam kalangan para penggiat seni tidak begitu meluas. Para penggiat seni tidak ramai yang menceburi bidang seni cetakan. Seni cetakan tidak begitu menonjol jika dibandingkan dengan bentuk aliran-aliran seni yang lain.

Terdapat beberapa permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Antara permasalahan yang terdapat dalam kajian ini adalah masalah masyarakat yang tidak berapa faham apa itu cetakan. Masyarakat juga tidak berapa mengetahui tentang jenis-jenis cetakan yang terdapat dalam percetakan.

Masalah lain pula ialah masalah menghuraikan beberapa kaedah yang terdapat dalam seni cetakan. Di sini, pengkaji memang mempunyai cabaran masalah yang besar. Di dalam cetakan ini, terdapat beberapa kaedah yang perlu dikaji dengan teliti dan mendalam.

Masalah seterusnya adalah masalah karya-karya yang berkaitan dengan cetakan tidak begitu banyak di pasaran seni. Masyarakat dan juga individu tidak banyak menghasilkan hasil-hasil karya yang berasaskan cetakan.

1.4 Skop Kajian

Pengkaji juga mengkaji tentang teknik-teknik yang digunakan di dalam menghasilkan karya kontemporari melalui kaedah cetakan ini. Tujuan kajian dilakukan adalah bertujuan untuk memperkenalkan dengan meluas tentang penggunaan cetakan kepada masyarakat yang tidak mengetahui apa itu dunia cetakan. Jika kita lihat pada zaman kini, golongan muda-mudi kurang pengetahuan tentang cetakan.

Walau bagaimanapun dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji secara terperinci tentang kaedah-kaedah dan juga proses-proses pembuatan dalam setiap kaedah yang terdapat dalam cetakan yang boleh diaplikasikan ke dalam hasil karya nanti. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji setiap buku-buku yang berhubung rapat dengan cetakan dan juga motif bunga dalam batik.

Melalui kajian ini, pengkaji lebih menumpukan kepada kajian kaedah-kaedah dalam seni cetakan dalam karya kontemporari. Pengkaji akan mengkaji bagaimana penggunaan seni cetakan dalam menghasilkan karya yang berkonsepkan kontemporari. Pengkaji juga akan membuat kajian tentang kesesuaian seni cetakan dengan karya kontemporari.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilakukan dan ia dapat memberi banyak kepentingan kepada pelbagai pihak. Dalam kajian ini, pengkaji dapat melihat cabaran yang dihadapi oleh artis-artis yang menghasilkan karya mereka berdasarkan seni cetakan ini.

Kajian ini berjaya membuktikan bahawa hasil-hasil karya yang berasaskan cetakan juga mampu untuk maju seiring dengan kemajuan aliran-aliran seni yang lain, antaranya seni catan, seni arca, seni elektronik dan juga fotografi. Melalui penggunaan teknik cetakan ini juga, artis-artis boleh mengaplikasikannya dalam menghasilkan karya-karya yang menarik

Kepentingan lain adalah untuk memperjelaskan kepada semua ahli masyarakat tentang seni cetakan ini. Tujuannya adalah untuk menarik minat golongan-golongan masyarakat yang lebih berjiwa seni untuk menghasilkan karya melalui kaedah-kaedah yang terdapat dalam cetakan ini.

Seterusnya adalah untuk memperkenalkan kaedah-kaedah yang terdapat dalam cetakan ini. Dengan ini, artis-artis dan juga individu akan lebih mengetahui tentang sejarah, jenis-jenis cetakan dan juga bagaimana proses pembuatnya bagi setiap kaedah.

1.6 Metodologi Penyelidikan

Dalam kajian ini, beberapa kaedah atau pendekatan digunakan dalam menganalisa dan mengetengahkan bukti untuk menyokong setiap hipotesis yang telah dibuat. Antara pendekatan yang dirasakan sesuai ialah :

i) Pendekatan Secara Historikal

Pendekatan ini digunakan dalam membincangkan sejarah dan perkembangan seni cetakan di Malaysia, khasnya dalam perkembangan seni cetakan skrin. Ini dapat memberi gambaran awal terhadap pengaruh dan penerimaan artis seni tampak di Malaysia terhadap pendekatan dan gaya hasil karya dan sejauh mana pendekatan seni cetakan dapat mempengaruhi hasil karya mereka.

Selain itu, sejarah perkembangan seni cetakan di Malaysia ini diharapkan akan dapat memberi sedikit maklumat mengenai senario seni cetakan di Malaysia dan juga institusi-institusi pendidikan seni yang telah ditubuhkan, disamping artis-artis seni cetakan yang pernah dikeluarkan oleh institusi-institusi terbabit.

ii) Pendekatan Secara Teorikal dan Perbandingan

Pendekatan ini penting dalam menerangkan proses dan jenis-jenis seni cetakan secara tepat. Pendekatan ini merujuk kepada persoalan mengenai seni cetakan, pengaplikasian dan kontemporari dalam konteks Malaysia seperti definisi asas, ciri-ciri utama dari segi bentuk, konsep, isi, dan makna serta dari segi sejarah.

Secara amnya, bahan rujukan banyak diambil dari bahan bacaan luar negeri dan tempatan yang banyak membincangkan tentang teori dan proses yang terlibat dalam penghasilan seni cetakan. Beberapa contoh hasil karya artis seni cetakan juga diambil sebagai satu sumber perbandingan dan sokongan terhadap isu yang dibincangkan mengenai seni cetakan.

iii) Pendekatan Secara Praktikal

Akhir sekali, satu pendekatan yang mengaplikasikan setiap teori yang diterangkan akan diambil mengikut pendekatan secara praktikal. Di sini, satu kombinasi beberapa hasil karya akan dibuat bersesuaian dengan kajian yang menekankan pengaplikasian motif bunga dalam seni cetakan sebagai media utama.

Penyelidikan ini telah dilakukan dengan melakukan pelbagai rujukan. Antara rujukan yang telah dilakukan dengan merujuk kepada buku-buku yang terdapat di CAIS dan seterusnya dengan melawat laman web tertentu.

Di dalam kajian ini, bab 2 akan menyentuh beberapa persoalan dasar mengenai definisi, sejarah dan ciri-ciri formal yang terdapat dalam seni cetakan. Masih terdapat keraguan di dalam mentakrifkan apa yang dimaksudkan dan difahami dengan seni cetakan. Definisi dan maksud sebenar seni cetakan ini akan cuba dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bab ini melalui sumber rujukan yang diperolehi.

Keputusan yang diperolehi ini akan membentangkan satu bentuk polariti penafsiran dan persikapan golongan masyarakat terhadap seni cetakan, dan karya kontemporari. Seterusnya, bentuk polariti ini akan cuba dirapatkan menerusi pengkajian terhadap beberapa unsur pendekatan seperti

dari segi konsep, bahan, teknik dan gaya persembahan yang kemudiannya diungkapkan melalui pendekatan seni cetakan dalam karya peribadi nanti.

Gaya pendekatan ini akan dibentangkan melalui bab 4 dalam kajian ini. Dalam bab yang terakhir iaitu bab 5, karya peribadi tersebut akan didiagnosis dan diberi ulasan dari segi formalistik serta kritikan seni. Huraian secara terperinci akan dibuat berdasarkan kepada penemuan dan hasil kajian yang diperolehi terhadap rentetan karya terbabit. Karya akan cuba menampilkan setiap ciri yang dikaji melalui kajian ini iaitu penghasilan karya berbentuk seni cetakan di samping penggunaan elemen-elemen seni dari segi konsep, media mahu pun gaya persembahan.

BAB 2 :

SENI CETAKAN

2.1 Latarbelakang seni cetakan

Printmaking merupakan suatu kaedah yang boleh dikatakan baru di mata masyarakat Malaysia. Walaupun kewujudannya telah lama berlaku di negara barat, namun, kewujudannya dan kepentingannya tidak begitu meluas di Malaysia.

Kadang kala, *printmaking* boleh dikatakan sebagai aktiviti yang kedua kepada seni lukis, arca dan juga fotografi. Teknik ini yang berasal daripada pelbagai teknik tradisional adalah termasuk dengan *woodcut* dan juga *etching* yang digunakan dalam kaedah terbaru iaitu dalam teknik komputer.

Kaedah yang telah biasa digunakan dalam dunia percetakan ialah kaedah *woodcut* dalam *relief* dan dakwat yang digunakan adalah dakwat basah. Biasanya kertas diletakkan diatas blok dan ia digosokkan dengan perlahan-lahan dengan menggunakan ranting buluh ataupun menggunakan berus yang kering untuk memberikan kesan cetakan yang lebih berkesan.

Pada mulanya, seni ukiran yang merupakan salah satu daripada kaedah-kedah yang terdapat di dalam seni percetakan hanya dilakukan diatas batu, tulang dan juga di dinding-dinding gua sahaja. Pada zaman

Sumarian kira-kira 3000 tahun dahulu pula, salinan imej ukiran diukir diatas batu silinder. Pada dasarnya, seni cetakan adalah bermaksud salinan imej yang dihentakkan dari satu permukaan ke permukaan yang lain dengan menggunakan dakwat.

Seni cetakan juga digunakan untuk kemudahan awam, alat pendidikan di dalam sesuatu bentuk imej agama, buku ilustrasi, peta dan juga untuk memperingati sesuatu peristiwa sejarah yang penting. Dalam beberapa jenis cetakan dan juga kemajuan komunikasi, proses seni cetakan tangan yang dihasilkan oleh artis lebih menarik dan hebat yang juga terdapat dalam pelbagai teknik.

Pengumpul seni yang juga merupakan artis menggunakan kreativiti yang tinggi untuk menghasilkan kualiti hasil cetakan yang tinggi. Pada asalnya, plat, blok atau batu telah membawa kepada tanggapan yang pelbagai di dalam mempertimbangkan kerja-kerja cetakan yang “asal”. Biasanya, alat-alat yang digunakan di dalam menghasilkan seni cetakan ini adalah seperti plat, blok kayu atau logam, bingkai, skuiji, dakwat.

2.2 Sejarah seni cetakan di Malaysia

Seni cetakan di Malaysia telah bermula pada lewat tahun 1940 di *Nanyang Academy of Art*. Permulaan penggunaan seni cetakan di Malaysia amat berbeza dengan permulaan yang berlaku di negara-negara lain, dimana ianya telah lama wujud serta berkembang.

Di Malaysia, penggunaan seni cetakan dan juga seni instalasi dalam seni tampak merupakan aliran seni yang baru. Penggunaan cetakan skrin tidaklah begitu meluas di kalangan para penggiat-penggiat seni tanah air. Penularan proses *printmaking* yang pertama telah diketahui memasuki Malaysia pada lewat 1940-an melalui kolej-kolej yang terdapat di Malaysia.

Akademik Seni Nanyang telah menyebabkan penyebaran *printmaking* ini berlaku. Kaedah *printmaking* yang pertama diperkenalkan ialah proses *woodcut*. Ilham yang diambil dari penyalinan buku dari China telah menyebabkan para pengajar dan juga pelajar mula membuat kajian untuk menjadikan proses *woodcut* sebagai salah satu daripada bentuk seni.

Semenjak dari itu, proses *woodcut* telah datang sebagai satu bahagian tetap dan kekal di dalam sukatan pelajaran di sesetengah kolej. Sepanjang 1960-an itu, beberapa orang artis telah kembali ke Malaysia selepas mendapat pendidikan daripada kolej seni di Barat.

Antara kolej-kolej yang terlibat ialah seperti *Royal College of Art* di London, di mana mereka telah mendapat kesempatan untuk belajar tentang *printmaking*. Artis-artis tersebut telah membawa pulang segala teknikal-teknikal sebagai pengetahuan di dalam proses *printmaking* dan menyebarkan kemahiran tersebut kepada peminat-peminat seni.

Pada tahun 1960-an, Institut Latihan Guru-guru yang bertempat di Cheras, Kuala Lumpur telah menjadikan *printmaking* sebagai salah satu bahagian seni di dalam aktiviti seni mereka. Pada tahun 1970-an pula, Institut Teknologi Mara di Pulau Pinang telah mengadakan bengkel cetakan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap.

Beberapa tahun kemudian, Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang pula telah membuat bengkel cetakan mereka di mana ianya mengandungi kemudahan untuk kaedah *Intaglio*. Pada hari ini, telah banyak universiti-unversiti dan kolej-kolej seni yang telah menjadikan *printmaking* sebagai kegiatan aktiviti seni mereka.

2.3 Definisi seni cetakan

Berdasarkan kajian yang dilakukan, skop definisi kajian adalah tertumpu kepada dua aspek kajian iaitu aspek kaedah-kaedah yang terdapat dalam seni percetakan dan juga aspek cara pembuatan seni percetakan. Pengkaji ingin mengkaji ke semua maksud kaedah-kaedah dalam seni cetakan.

Mengikut buku *Dialog Seni Tampak*, tulisan oleh Nathan Knobler dan telah diterjemahkan oleh Zakaria Ali ;

“cetakan adalah kesan daripada gubahan yang dihasilkan oleh seniman pada sekeping permukaan induk. Seniman memahat permukaan ini atau melukis di atasnya dan memproses lukisan itu secara kimia hingga reka bentuknya yang asal itu boleh dipindahkan dari permukaan ini ke atas kertas.”

Mengikut buku *Introduction To Art & Craft*, 1965 yang telah dikarang oleh C.M.B. Van Homrigh ;

“pada dasarnya cetakan bermaksud salinan imej dengan menghentakkan satu permukaan yang lain dengan menggunakan dakwat.”


Ia juga boleh didefinisikan sebagai acuan atau bentuk yang menjadi estetik yang memerlukan seseorang artis itu memberikan pernyataan yang khusus atau pun yang tertentu kepada masyarakat dan juga kepada individu itu sendiri. Tidak seperti bentuk seni yang lain, seni percetakan adalah bentuk seni yang hanya untuk perkara-perkara yang asas yang terbatas kepada percetakan sahaja.

Pada mulanya, seni cetakan menjumpai caranya yang tersendiri untuk dipersembahkan kepada para penonton, namun dengan adanya kedatangan percetakan media massa, ianya telah merubah kedudukan dan juga visual seni cetakan itu sendiri.

2.4 Kaedah-kaedah seni cetakan

Seni cetakan dibahagikan kepada beberapa kaedah. Antaranya ialah *Serigraphy*, *Lithography*, *Intaglio*, *Etching*.

i) Kaedah *Serigraphy*



Kaedah *Serigraphy* atau lebih dikenali dengan *Screen printing* atau cetakan skrin merupakan suatu proses di mana stensil dilekatkan di permukaan sejenis kain tenunan benang. Cetakan skrin menjadi kaedah yang baru di dalam penghasilan karya dalam seni cetakan yang memberi suatu langkah kemajuan di dalam bidang seni cetakan. Penggunaannya secara meluas dari masa ke semasa akan meluaskan lagi pengaruh penggunaannya dalam seni cetakan. Di dalam cetakan skrin ini, terdapat satu lagi kaedah yang agak menarik, iaitu *paper cut*. Pengkarya menyediakan skrin yang diperbuat daripada sutera atau *synthetic*, di mana dalam semua kawasan kemudian lain-lain kawasannya dicetak dan bloknya dikeluarkan. Kertas merupakan tempat di mana imej akan dicetak nanti. Kertas tersebut diletakkan di bawah stensil dan kemudian dakwat ditarik di atas skrin